



BUKU PERLEMBAGAAN

PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA

(PEMADAM)



**PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA
(PEMADAM)**

***PINDAAN PERLEMBAGAAN
TAHUN 2019***

**NO. PENDAFTARAN
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
PPM-001-14-20061978**



FASAL	PERKARA	M/SURAT
1	NAMA DAN LAMBANG	1
2	PEJABAT BERDAFTAR DAN TEMPAT MESYUARAT	1
3	KAWASAN KEGIATAN	1
4	TUJUAN	2
5	AHLI	2
6	PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI	4
7	SUMBER KEWANGAN	5
8	KUASA-KUASA PERSATUAN	6
9	STRUKTUR	8
10	PENAUNG	9
11	TUGAS DAN KUASA PEMEGANG JAWATAN	10
12	PERHIMPUNAN AGUNG	11
13	PERHIMPUNAN AGUNG LUAR BIASA	14
14	MAJLIS ANTI DADAH PEMADAM KEBANGSAAN	15
15	PEMADAM NEGERI	17
16	MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARAS PEMADAM NEGERI	19

FASAL	PERKARA	M/SURAT
17	PEMADAM DAERAH	20
18	MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PEMADAM DAERAH	21
19	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PEMADAM DAERAH	22
20	MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA PEMADAM DAERAH	25
21	UNIT PEMADAM	26
22	MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA UNIT PEMADAM	27
23	KUASA DAN TUGAS PEGAWAI UNIT PEMADAM	28
24	TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA KERJA UNIT PEMADAM	30
25	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN/LUAR BIASA UNIT PEMADAM	31
26	PUNCA KEWANGAN DAN KUASA PERBELANJAAN UNIT PEMADAM	34
27	PEMEGANG AMANAH	34
28	PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN INI	35
29	PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM	36
30	KETERANGAN LAMBANG DAN BENDERA	37

1 NAMA DAN LAMBANG

- (1) Nama PEMADAM ialah PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA atau ringkasnya PEMADAM (kemudian daripada ini disebut sebagai "PEMADAM").
- (2) Lambang PEMADAM adalah sebagai yang diperihal dan dilukis dalam Fasal 30.

2 PEJABAT BERDAFTAR DAN TEMPAT MESYUARAT

Pejabat berdaftar dan tempat mesyuarat bagi PEMADAM ialah di Ibu Pejabat PEMADAM Kebangsaan, No. 8, Jalan Ledang, 50480 Kuala Lumpur atau di tempat lain di dalam Malaysia sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan dari masa ke semasa.

Pejabat berdaftar dan tempat mesyuarat bagi PEMADAM Negeri dan Daerah adalah di tempat yang mana ia didaftarkan atau di tempat lain yang ditentukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Negeri/ Daerah/ Jajahan/ Parlimen.

3 KAWASAN KEGIATAN

Kawasan kegiatan bagi PEMADAM ialah di Negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan dalam Malaysia yang mana, bagi maksud Perlembagaan ini, hendaklah dianggap sebagai sebuah Negeri dalam Malaysia

'Daerah' yang disebut di dalam Perlembagaan ini adalah juga bermakna 'Jajahan' di Negeri Kelantan, Kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan, Negeri Perlis, dan 'Bahagian' di Negeri Sarawak.

4

TUJUAN

- (a) Untuk menyedarkan masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan najis dadah serta bahan seumpamanya melalui penglibatan masyarakat dalam program latihan, pendidikan pencegahan dadah. Di samping itu, bekerjasama dengan pelbagai organisasi yang mempunyai peranan yang sama dengan PEMADAM.
- (b) Untuk melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah di peringkat Kebangsaan, Negeri, Daerah dan dengan Pihak Berkuasa Tempatan.
- (c) Untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan dalam usaha membanteras penanaman, pengeluaran dan perniagaan dadah, dan seumpamanya yang menyalahi undang-undang negara.
- (d) Untuk menjalankan aktiviti penyelidikan mengenai penggunaan dan penyalahgunaan najis dadah serta bahan yang seumpamanya bagi membantu mereka yang terlibat melalui program susulan Jagaan Lanjutan.

5

AHLI

- (1) Keahlian PEMADAM terbahagi kepada:-

- (a) **AHLI BIASA**

Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.

(b) AHLI TETAP

Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun serta berminat menjadi aktivis PEMADAM sepenuh masa serta tidak mempunyai rekod jenayah dengan Polis Diraja Malaysia.

(c) AHLI SEUMUR HIDUP

Orang perseorangan yang diakui oleh Majlis Anti DADAH PEMADAM Kebangsaan yang diakui telah memberikan sumbangan bermakna dan berjasa kepada PEMADAM.

(d) AHLI BERSEKUTU TETAP

Syarikat Swasta yang memberikan sumbangan berupa wang tunai atau harta benda bernilai RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) ke atas.

(e) AHLI INSITUSI PENDIDIKAN

Sekolah-Sekolah, Institusi Pengajian Tinggi dan Pusat Latihan.

(f) AHLI REMAJA

Terbuka kepada pelajar sekolah di seluruh negara.

(g) AHLI PERBADANAN

Pertubuhan, kesatuan, institusi, badan-badan yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang bertulis.

(h) AHLI SYARIKAT BERDAFTAR

Syarikat swasta yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang bertulis.

- (2) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan boleh meluaskan atau mengurangkan kategori ahli-ahli dari masa ke semasa.
- (3) Seseorang ahli boleh didaftarkan oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan, Jawatankuasa Penyelaras Negeri atau Jawatankuasa Kerja Daerah.
- (4) Tiap-tiap ahli, di mana atau oleh siapa didaftarkan adalah seorang ahli PEMADAM dan hendaklah didaftarkan dalam cara yang ditentukan oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan dengan PEMADAM Daerah bagi Daerah di mana ahli itu bermastautin atau ditubuhkan atau mempunyai tempat perniagaan atau kendalian.
Dengan syarat jika tiada PEMADAM Daerah bagi Daerah yang berkenaan bagi mana-mana ahli itu boleh mendaftar dengan PEMADAM Daerah yang hampir dalam Negeri yang berkenaan.

6 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli PEMADAM hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung.

Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan PEMADAM atau bertindak dengan cara yang akan mencemar nama baik PEMADAM boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagai mana yang difikirkan munasabah oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.

Sebelum memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis oleh Setiausaha Agung. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya.

7

SUMBER KEWANGAN

(1)

Yuran

(a) Yuran Keahlian PEMADAM berdasarkan kategori:-

- (i) Yuran Pendaftaran RM1.00
(Ringgit Malaysia: Satu Sahaja).
- (ii) Yuran Ahli Biasa RM1.00
(Ringgit Malaysia: Satu Sahaja) setahun.
- (iii) Yuran Ahli Tetap RM50.00
(Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) dibayar sekali sahaja.
- (iv) Yuran Ahli Institusi Pendidikan RM5.00
(Ringgit Malaysia: Lima Sahaja) setahun.
- (v) Yuran Ahli Perbadanan RM30.00
(Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sahaja) setahun.
- (vi) Yuran Syarikat Berdaftar RM50.00
(Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) setahun.

(b) Yuran ahli adalah kepunyaan PEMADAM hendaklah dibayar setiap tahun dan dibahagikan seperti berikut:-

- (i) Lima Puluh peratus (50%) kepada Unit PEMADAM;
- (ii) Tiga Puluh peratus (30%) kepada PEMADAM Daerah;

- (iii) Sepuluh peratus (10%) kepada PEMADAM Negeri yang berkenaan;
- (iv) Sepuluh peratus (10%) kepada PEMADAM Kebangsaan.
- (2) Derma dan sumbangan.
- (3) Pendapatan daripada pelaburan.
- (4) Sumber-sumber lain yang boleh dilakukan oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (5) Tiada perbelanjaan yang melebihi RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja) pada mana-mana satu masa boleh dilakukan tanpa izin terlebih dahulu Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (6) Sumbangan dan derma akan mendapat pengecualian cukai seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri.

8

KUASA-KUASA PERSATUAN

PEMADAM hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat segala perkara yang perlu untuk mencapai tujuan-tujuannya, dan khususnya, tanpa menyentuh keluasan makna yang tersebut terlebih dahulu:-

- (a) Untuk memajukan dan mengawal penyatuan dan memberi bantuan kepada mana-mana badan yang mempunyai tujuan yang sama dengan PEMADAM.
- (b) Untuk mengambil, memegang dan melupuskan harta alih dan tak alih, termasuklah stok dan sekuriti, dan dengan jalan lain menguruskannya adalah satu cara

sebagaimana dikehendaki oleh hal keadaan, termasuklah mengadai janji atau mencagar mana-mana harta bagi maksud tujuan PEMADAM.

- (c) Untuk mengambil alih tugas, aset dan tanggungan mana mana orang atau badan yang mempunyai tujuan yang sama dengan PEMADAM atau had dan syarat yang boleh dipersetujui.
- (d) Untuk menguruskan derma kekal dan membuat pembayaran darinya.
- (e) Untuk memungut derma dan meminjam wang dan merayu dan menerima pemberian dari semua jenis dan melaburkan wang derma, wang dan pemberian itu.
- (f) Untuk menerbitkan dokumen, mengadakan persidangan dan seminar tempatan dan menghantar wakil-wakil menghadiri persidangan dan seminar yang diadakan di luar negeri yang berhubung dengan penyalahgunaan dadah.
- (g) Untuk memberi bantuan dalam apa-apa bentuk kepada persatuan atau badan yang mempunyai tujuan yang sama dengan PEMADAM atau kepada mana-mana penagih dadah.
- (h) Untuk membuat pemberian, atau menderma kepada mana-mana khairat.
- (i) Ahli Lembaga Pemegang Amanah PEMADAM Kebangsaan. (50% daripada Pemegang Amanah ini adalah terdiri daripada mereka yang dilantik oleh Majlis Anti DADAH PEMADAM Kebangsaan)

- (j) Untuk menubuh sebuah Yayasan PEMADAM bagi tujuan mendapatkan sumber kewangan yang berterusan melalui bidang-bidang yang akan diputuskan oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (k) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan hendaklah melantik empat (4) orang Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan PEMADAM yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan tiga (3) orang ahli.

9

STRUKTUR

PEMADAM hendaklah terdiri dari:-

- (a) PEMADAM Kebangsaan
- (b) PEMADAM Negeri
- (c) PEMADAM Daerah
- (d) Unit PEMADAM iaitu Mukim/Kampung/Kawasan Perumahan dan Perindustrian dalam Daerah.
- (e) Badan tertinggi bagi PEMADAM Kebangsaan ialah Perhimpunan Agung yang hendaklah diadakan tidak lewat daripada hari akhir bulan Julai bagi setiap dua (2) tahun melainkan tarikh itu dilanjutkan oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (f) Badan Tertinggi bagi PEMADAM Daerah ialah Mesyuarat Agung Tahunan Daerah yang hendaklah diadakan tidak lewat daripada hari terakhir bulan April tiap-tiap tahun melainkan tarikh itu dilanjutkan dengan kelulusan Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.

- (g) PEMADAM Kebangsaan hendaklah mempunyai satu Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan yang hendaklah menjalankan dasar dan keputusan Perhimpunan Agung dan hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan tugas PEMADAM.
- (h) Tiap-tiap Jawatankuasa Penyelaras Negeri hendaklah menjalankan dasar dan keputusan Perhimpunan Agung dan arahan Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (i) Tiap-tiap PEMADAM Daerah hendaklah mempunyai Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah dan menjalankan arahan, dasar dan keputusan Perhimpunan Agung, Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri, Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan dan selain tugas PEMADAM Daerah.

10

PENAUNG

- (1) Penaung bagi PEMADAM Kebangsaan ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Penaung bagi PEMADAM Negeri dan PEMADAM Daerah ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri. Penaung PEMADAM Wilayah Persekutuan ialah Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.
- (2) Penaung PEMADAM Kebangsaan hendaklah melantik Menteri Dalam Negeri atau Timbalan Menteri Dalam Negeri sebagai Yang Dipertua PEMADAM selagi mana dia menjawat jawatan Menteri Dalam Negeri atau Timbalan Menteri Dalam Negeri.

- (3) Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan hendaklah melantik Pengerusi, Naib Pengerusi PEMADAM Negeri.
- (4) Penasihat PEMADAM Kebangsaan hendaklah diwujudkan terdiri daripada bekas-bekas Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan yang masih berupaya dan perlantikan ini boleh diperbaharui atau dibuat perlantikan semula setiap empat (4) tahun sekali tidak melebihi daripada lima (5) orang.

11 TUGAS DAN KUASA PEMEGANG JAWATAN

- (1) Pemegang jawatan Tertinggi PEMADAM terdiri dari Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua, Tiga (3) orang Naib Yang DiPertua, seorang (1) Setiausaha Agung dan seorang (1) Bendahari Kehormat.

Tugas dan kuasa pemegang jawatan tertinggi PEMADAM adalah seperti berikut:-

- (a) Yang DiPertua adalah berhak bertindak sebagai Pengerusi dalam semua mesyuarat Jawatankuasa dan hendaklah mewakili PEMADAM dalam urusannya dengan orang atau badan luar. Yang DiPertua boleh menjalankan kuasanya di bawah Perlembagaan ini sebaik sahaja dilantik oleh Penaung Kebangsaan.
- (b) Timbalan Yang DiPertua akan mewakili Yang DiPertua dalam masa ketiadaan Yang DiPertua dan Naib-Naib Yang DiPertua akan menjalankan tugas sebagaimana yang boleh diwakilkan kepada mereka oleh Yang DiPertua.

- (c) Setiausaha Agung hendaklah menyimpan semua rekod, kecuali yang bersabit dengan hal kewangan, dan hendaklah bertanggungjawab atas kebenarannya. Ia hendaklah bertanggungjawab bagi mentadbirkan hal-hwal Persatuan, selepas berunding dengan Yang DiPertua. Ia hendaklah mempunyai kuasa untuk mengesyorkan penglibatan kerja, pemecatan dan kenaikan gaji bagi kakitangan yang bergaji dalam PEMADAM.
- (d) Bendahari Kehormat hendaklah memungut dan membayar semua wang bagi pihak PEMADAM dan hendaklah menyimpan semua akaun transaksi mengenai wang dan hendaklah bertanggungjawab akan kebenarannya. Akaun bank atau akaun-akaun Persatuan hendaklah dikendalikan oleh Yang DiPertua, Setiausaha Agung dan Bendahari Kehormat.
- (2) Pemegang Jawatan Tertinggi PEMADAM adalah pekerja-pekerja kehormat.
- (3) Peruntukan Fasal 11 boleh dipakai dengan ubahsuaian yang perlu bagi pemegang jawatan yang sama bagi PEMADAM Negeri, PEMADAM Daerah dan Unit PEMADAM.

12 PERHIMPUNAN AGUNG

- (1) Persatuan Kebangsaan hendaklah mengadakan dwitahunan Perhimpunan Agung tidak lewat daripada hari akhir bulan Julai bagi setiap dua (2) tahun melainkan tarikh itu dilanjutkan oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.

- (2) Perwakilan kepada Perhimpunan Agung hendaklah terdiri dari:-
- (a) Perwakilan PEMADAM Daerah sebagaimana diperuntukan dalam Fasal 19(3)(b)(v) dan 4, lain daripada mereka yang berkhidmat sebagai Ahli Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
 - (b) Sepuluh (10) orang perwakilan yang dinamakan oleh tiap-tiap Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri di kalangan ahli, lain daripada mereka yang berkhidmat sebagai Ahli Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan; dan
 - (c) Semua Ahli Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (3) Urusan Perhimpunan Agung hendaklah termasuk yang berikut:
- (a) Untuk menerima dan menyesuaikan laporan dwitahunan Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan;
 - (b) Untuk menerima dan menyesuaikan akaun-akaun yang telah diaudit untuk PEMADAM Kebangsaan bagi dwitahunan;
 - (c) Untuk memilih empat (4) tahun sekali sama ada dengan undi atau dengan mengangkat tangan yang boleh ditentukan oleh perwakilan dengan kelebihan undi bagi pemilihan Pemegang Jawatan Tertinggi PEMADAM. Pemegang jawatan dan ahli Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan yang berikut:-

- (i) Seorang (1) Timbalan Yang DiPertua; dan
- (ii) Tiga (3) orang Naib Yang DiPertua
- (d)** Untuk memilih dua (2) orang Juruaudit Dalam di kalangan Ahli PEMADAM
- (e)** Untuk menimbangkan ketetapan.
- (f)** Untuk melaksanakan lain-lain urusan yang mana notis bertulis telah diberi kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya dua puluh (20) hari sebelum tarikh Perhimpunan Agung.
- (4) Tiap Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri hendaklah menamakan Pengerusinya untuk berkhidmat sebagai seorang ahli bagi Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (5) Korum bagi suatu Perhimpunan Agung dan Perhimpunan Agung Luar Biasa ialah satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah Ahli yang berhak mengundi atau dua (2) kali ganda Ahli Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan mengikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Perhimpunan Agung bagi mengesahkan perjalanan Perhimpunan Agung dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- (6) Suatu notis permulaan mengenai Perhimpunan Agung Dwitahunan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat, dan meminta usul-usul untuk perbincangan, usul-usul untuk meminda kaedah-kaedah dan penamaan bagi pemilihan Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan

hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada semua ahli tidak lewat daripada empat puluh lima (45) hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu dan notis hendaklah juga dipamerkan dengan jelasnya di pejabat berdaftar atau tempat mesyuarat PEMADAM.

- (7) Penamaan bagi pemilihan pegawai-pegawai dan usul untuk perbincangan di perhimpunan itu hendaklah dihantar untuk diterima oleh Setiausaha tidak lewat dua puluh satu hari (21) hari selepas notis permulaan itu diterima.
- (8) Setiausaha hendaklah menghantar satu agenda termasuklah salinan-salinan minit laporan, usul dan penamaan bagi pemilihan pegawai-pegawai, bersama dengan akaun-akaun PEMADAM bagi setiap dua (2) tahun yang telah diaudit kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat itu. Salinan dokumen ini hendaklah juga disediakan di Pejabat Berdaftar atau tempat mesyuarat PEMADAM untuk ditatap oleh ahli.

13

PERHIMPUNAN AGUNG LUAR BIASA

- (1) Suatu Perhimpunan Agung Luar Biasa hendaklah diadakan oleh Yang DiPertua atas permintaan bertulis untuk mengadakannya oleh sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada jumlah PEMADAM Daerah atau Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri atau atas keputusan Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.

- (2) Tiap-tiap PEMADAM Daerah dan PEMADAM Negeri hendaklah diberi empat belas hari (14) notis secara bertulis mengenai Perhimpunan Agung Luar Biasa itu.
- (3) Notis itu hendaklah menyatakan urusan Perhimpunan Agung Luar Biasa itu dan tidak ada urusan lain boleh dilaksanakan dalam Perhimpunan itu.

14 MAJLIS ANTI DADAH PEMADAM KEBANGSAAN

- (1) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:-
 - (a) Seorang (1) Yang DiPertua yang dilantik oleh Penaung Kebangsaan;
 - (b) Seorang (1) Timbalan Yang DiPertua;
 - (c) Tiga (3) orang Naib Yang DiPertua;
 - (d) Seorang (1) Setiausaha Agung hendaklah dilantik oleh Yang DiPertua;
 - (e) Seorang (1) Bendahari Kehormat hendaklah dilantik oleh Yang DiPertua;
 - (f) Pengerusi tiap-tiap Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri atau wakilnya;
 - (g) Pengarah atau Ketua Agensi Kerajaan bertanggungjawab bagi hal-ehwal dadah;
 - (h) Pegawai-pegawai Kerajaan yang boleh dilantik oleh Yang DiPertua selepas berunding dengan Penaung Kebangsaan;

- (i) Beberapa orang wakil dari Perdagangan dan Perindustrian, Kesatuan Sekerja, Kelab Belia, Kelab Perkhidmatan dan lain-lain badan sukarela yang boleh dilantik oleh Yang DiPertua selepas berunding dengan Penaung Kebangsaan.
- (2) Jumlah bilangan ahli bagi Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan tidak boleh lebih daripada enam puluh (60) orang.
- (3) Walau apapun Fasal 12(3) (c) dan (d) Timbalan Yang DiPertua, Naib-Naib Yang DiPertua dan dua (2) orang Juruaudit Dalam, hendaklah dipilih oleh ahli PEMADAM dan hendaklah memegang jawatan sehingga tempoh empat (4) tahun.
- (4) Majlis boleh meminta Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri mengambil tindakan sama ada dengan membubarkan atau menggantung mana-mana Daerah atau Unit yang didapati tidak aktif mengikut Perlembagaan PEMADAM atau melalui arahan dari Pejabat Pendaftar Pertubuhan.
- (5) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan hendaklah melaksanakan keputusan Perhimpunan Agung dan Perhimpunan Agung Luar Biasa dan hendaklah bertanggungjawab kepada Perhimpunan Agung.
- (6) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekali dalam tiga (3) bulan atau pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Yang DiPertua.

- (7) Sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis mengenai mesyuarat Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan hendaklah diberi kepada tiap-tiap ahli jawatankuasa. Dengan syarat bahawa dalam masa kecemasan notis lima (5) hari adalah mencukupi.
- (8) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengisi apa-apa kekosongan yang berlaku di kalangan pemegang jawatannya yang dipilih dengan melantik salah seorang daripada mereka untuk mengisi jawatan yang kosong itu.
- (9) Korum bagi mesyuarat Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan ialah lima belas (15).
- (10) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan boleh melantik Jawatankuasa Kecil bagi maksud-maksud tertentu dan boleh mewakilkan kepada Jawatankuasa Kecil itu kuasa-kuasa yang difikirkan perlu termasuk juga kuasa yang diterangkan di dalam Fasal 7(5).
- (11) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan hendaklah menerima laporan daripada Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri, Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah dan Jawatankuasa Kecil masing-masing, jika ada dan mengemukakan laporan yang disatukan kepada Perhimpunan Agung.

15 PEMADAM NEGERI

PEMADAM Negeri ditadbir urus oleh Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri.

- (1) Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri hendaklah terdiri daripada :-
- (a) Seorang (1) Pengerusi dan Naib Pengerusi yang dilantik oleh Penaung Negeri.
Pengerusi dan Naib Pengerusi adalah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan dadah/kesihatan/sosial/NGO kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Bandar Kuala Lumpur & Wilayah Persekutuan Labuan, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan dilantik secara automatik oleh Penaung Negeri.
 - (b) Seorang (1) Setiausaha yang dilantik oleh Pengerusi.
 - (c) Seorang (1) Bendahari yang dilantik oleh Pengerusi.
 - (d) Dua (2) orang wakil dari setiap PEMADAM Daerah, iaitu Pengerusi dan seorang (1) ahli lain bagi PEMADAM Daerah itu.
 - (e) Beberapa orang pegawai Kerajaan yang boleh dilantik oleh Pengerusi selepas berunding dengan Penaung Negeri; dan
 - (f) Beberapa orang wakil dari perdagangan dan perusahaan, kesatuan sekerja, kelab belia, kelab dan lain-lain badan sukarela yang boleh dilantik oleh Pengerusi selepas berunding dengan Penaung Negeri.
 - (g) Melantik dua (2) orang Juruaudit Dalam.

- (2) Jumlah bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri tidak boleh lebih daripada Lima Puluh (50) orang melainkan kelulusan terlebih dahulu di perolehi dari Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (3) Tertakluk kepada Fasal 14(1)(2) Ahli Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri hendaklah dilantik untuk satu tempoh yang tidak lebih dari empat (4) tahun dan boleh dilantik semula.

16 MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARAS PEMADAM NEGERI

- (1) Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan.
- (2) Notis Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri hendaklah diberi sekurang-kurangnya sepuluh hari (10) kepada semua Ahli Jawatankuasa. Dalam masa kecemasan notis tiga (3) hari adalah mencukupi.
- (3) Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri ialah sebelas (11).
- (4) Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri boleh melantik Jawatankuasa Kecil bagi maksud tertentu dan boleh mewakilkan kepada Jawatankuasa Kecil itu yang difikirkan perlu untuk melaksanakan program dan aktiviti PEMADAM Negeri.

- (5) Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri hendaklah menjalankan dan menyelia pemilihan kepada PEMADAM Kebangsaan, dan bagi maksud ini hendaklah melantik seorang (1) atau lebih dari seorang (1) Pegawai Pengurus.
- (6) Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri hendaklah menerima laporan dari PEMADAM Daerah dan Jawatankuasa Kecil, jika ada, dan mengemukakan laporan yang disatukan kepada Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.

17 PEMADAM DAERAH

- (1) PEMADAM Daerah ditadbir urus oleh Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah.
- (2) Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah hendaklah terdiri daripada:-
 - (a) Seorang (1) Pegawai Daerah atau setaraf dengannya yang dilantik secara automatik oleh Pengerusi Negeri.
 - (a) Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengurus Kawasan Parlimen DBKL dilantik secara automatik oleh Pengerusi Negeri.
 - (b) Seorang (1) Timbalan Pengerusi.
 - (c) Dua (2) orang Naib Pengerusi, seorang daripadanya hendaklah perempuan.
 - (d) Seorang (1) Setiausaha yang dilantik oleh Pengerusi.
 - (e) Seorang (1) Bendahari yang dilantik oleh Pengerusi.

- (f) Lima belas (15) orang ahli jawatankuasa, sekurang-kurangnya tiga (3) daripada mereka hendaklah perempuan.
- (g) Empat (4) orang ahli jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi.

18 MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PEMADAM DAERAH

- (1) Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang- kurangnya sekali dalam dua (2) bulan.
- (2) Notis mesyuarat Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah hendaklah diberi sekurang-kurangnya tiga (3) hari kepada semua ahli jawatankuasa. Dalam masa kecemasan notis satu (1) hari adalah mencukupi.
- (3) Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah mempunyai kuasa untuk mengisi kekosongan jawatan yang berlaku disebabkan peletakan jawatan atau sebab-sebab yang lain dengan melantik seorang (1) di kalangan ahli jawatankuasanya.
- (4) Korum mesyuarat Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah ialah tujuh (7).
- (5) Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah boleh melantik Jawatankuasa Kecil bagi maksud-maksud tertentu dan boleh mewakilkan kepada jawatankuasa kecil itu kuasa-kuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu.
- (6) Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik ahli-ahli biasa dan bukan ahli kepada jawatankuasa kecil itu. Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah dibenarkan

menubuhkan dan membentuk Jawatankuasa Unit di Peringkat Mukim/Kawasan Perumahan dan Perindustrian dalam Daerah masing-masing.

- (7) Tiada perbelanjaan yang melebihi RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja), pada satu masa boleh dilakukan tanpa izin terlebih dahulu Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah, dan tiada perbelanjaan yang melebihi RM20,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Ribu Sahaja), boleh dilakukan tanpa izin terlebih dahulu Mesyuarat Agung PEMADAM Daerah.

19 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PEMADAM DAERAH

- (1) Sesuatu PEMADAM Daerah hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan bagi ahli yang berdaftar dengannya.
- (2) Hanya ahli yang telah membayar yuran mereka bagi tahun kalendar itu adalah berhak untuk hadir, bercakap atau mengundi di Mesyuarat bagi tahun itu.
- (3) Urusan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah termasuk urusan-urusan yang berikut:
- (a)** Untuk menerima dan menyesuaikan Laporan Tahunan dan akaun yang telah diaudit bagi Persatuan Daerah bagi tahun kalendar yang lalu.

- (b)** Memilih Ahli Jawatankuasa setiap dua (2) tahun sekali, sama ada dengan mengundi atau dengan mengangkat tangan yang boleh ditentukan oleh ahli PEMADAM Daerah yang berikut:-
- (i) Seorang (1) Timbalan Pengerusi;
 - (ii) Dua (2) Orang Naib Pengerusi, seorang (1) daripadanya hendaklah perempuan dan;
 - (iii) Lima belas (15) orang ahli sekurang-kurangnya tiga (3) daripada mereka hendaklah perempuan;
 - (iv) Dua (2) orang Juruaudit Dalam; dan
 - (v) Untuk memilih seorang wakil ke Perhimpunan Agung bagi tiap-tiap seratus (100) orang ahli PEMADAM Daerah selain daripada Pengerusi dan Setiausaha PEMADAM Daerah atau wakilnya menjadi wakil dengan secara automatik. Dengan syarat bilangan wakil itu tidak lebih daripada lima (5) orang.
- (4) Tiap-tiap Ahli Perbadanan adalah berhak menghantar seorang wakil kepada Perhimpunan Agung dan ia hendaklah menamakan wakil itu di Mesyuarat Agung Tahunan PEMADAM Daerah.
- (5) Suatu notis permulaan mengenai Mesyuarat Agung Tahunan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat, dan meminta usul-usul untuk perbincangan dan penamaan bagi pemilihan Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada semua ahli tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh

yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, dan notis ini hendaklah juga dipamerkan dengan jelasnya di pejabat berdaftar atau tempat mesyuarat PEMADAM.

- (6) Penamaan bagi pemilihan pegawai-pegawai dan usul untuk perbincangan di mesyuarat itu hendaklah dihantar untuk diterima oleh Setiausaha tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas notis permulaan itu diterima.
- (7) Setiausaha hendaklah menghantar suatu agenda termasuklah salinan minit dan laporan, usul dan penamaan bagi pemilihan pegawai-pegawai, bersama dengan akaun-akaun PEMADAM bagi tahun dahulu yang telah diaudit kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh belas (17) hari sebelum mesyuarat itu. Salinan-salinan dokumen ini hendaklah juga disediakan di pejabat berdaftar atau tempat mesyuarat PEMADAM untuk ditatap oleh ahli,
- (8) Korum bagi Mesyuarat Agung Tahunan bagi sesuatu PEMADAM Daerah adalah satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada jumlah Ahli yang berhak mengundi atau dua (2) kali ganda Ahli Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah mengikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan Mesyuarat Agung dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- (9) Jika dalam masa satu (1) jam dari waktu yang ditentukan bagi mesyuarat itu korum tidak mencukupi, mesyuarat itu hendaklah, ditangguhkan

kepada suatu tarikh baru yang ditetapkan oleh Pengerusi PEMADAM Daerah. Atau diadakan atas permintaan ahli yang hadir untuk meneruskan urusan mesyuarat itu.

20

MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA PEMADAM DAERAH

- (1) Pengerusi PEMADAM Daerah hendaklah mengadakan suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi PEMADAM Daerah itu dalam masa dua puluh satu (21) hari dari diterima suatu permintaan bertulis untuk mengadakannya yang ditandatangani oleh lima puluh (50) orang ahli atau tiga puluh peratus (30%) daripada jumlah ahli, yang mana lebih kurang dari PEMADAM Daerah atau apabila diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah, Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri atau Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (2) Notis mengenai Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah diberi sekurang-kurangnya sepuluh (10) hari kepada semua ahli PEMADAM Daerah itu.
- (3) Urusan mesyuarat itu hendaklah ditentukan dalam notis yang memanggil mesyuarat itu dan tiada urusan lain boleh dijalankan atau dibincangkan dalam mesyuarat itu.

- (4) Korum bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi sesuatu PEMADAM Daerah adalah satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada jumlah Ahli yang berhak mengundi atau dua (2) kali ganda Ahli Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah mengikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi mengesahkan Mesyuarat Agung Luar Biasa dan mencukupi korum perjalanan Mesyuarat Agung Luar Biasa dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- 5) Jika dalam masa satu (1) jam dari waktu yang ditentukan bagi mesyuarat itu korum tidak mencukupi, mesyuarat itu hendaklah, ditangguhkan kepada suatu tarikh baru yang ditetapkan oleh Pengerusi PEMADAM Daerah. Atau diadakan atas permintaan ahli yang hadir untuk meneruskan urusan mesyuarat itu.

21 UNIT PEMADAM

- (1) Unit PEMADAM adalah Mukim/ Kampung/Kawasan Perumahan dan Kawasan Perindustrian.
- (2) Unit PEMADAM boleh ditubuhkan di mana-mana tempat dalam Daerah yang mempunyai tidak kurang daripada lima puluh (50) orang ahli PEMADAM di satu-satu tempat itu dengan persetujuan tidak kurang daripada dua pertiga ($\frac{2}{3}$) daripada jumlah Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah.

- (3) Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah mempunyai kuasa untuk menggantung atau membubarkan mana-mana Unit yang didapati tidak aktif atau menjalankan aktiviti yang bercanggah dengan Perlembagaan dan matlamat PEMADAM setelah merujuk kepada Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri dan Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan
- (4) Unit yang telah dibekukan bolehlah dipulihkan semula oleh Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah dengan kiraan suara terbanyak.
- (5) Pengendalian Unit PEMADAM sama ada di peringkat Mukim/Kampung/ Kawasan Perumahan dan Perindustrian adalah di bawah kuasa dan perintah Mesyuarat Agung Unit PEMADAM tetapi Jawatankuasa Unit itu sendiri adalah tertakluk di bawah Perlembagaan dan juga Peraturan Persatuan.

22 MESYUARAT JAWATANKUASA UNIT PEMADAM

- (1) Unit PEMADAM Daerah ditadbir urus oleh Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM.
- (2) Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM hendaklah terdiri daripada:-
 - (a) Seorang (1) Pengerusi
 - (b) Dua (2) orang Naib Pengerusi, seorang daripadanya hendaklah perempuan
 - (c) Lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa, sekurang-kurangnya tiga (3) daripada mereka hendaklah perempuan; dan

- (3) Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan.
- (4) Notis mengenai mesyuarat hendaklah diberi sekurang-kurangnya tiga (3) hari kepada semua Ahli Jawatankuasa. Dengan syarat bahawa dalam masa kecemasan notis satu (1) hari adalah mencukupi seperti mana yang ditentukan oleh Pengerusi.
- (5) Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM mempunyai kuasa untuk:-
 - (a) Mengisi kekosongan yang berlaku di kalangan pemegang jawatannya dan melantik seorang (1) daripada ahli jawatankuasanya bagi jawatan yang kosong itu; disebabkan peletakan jawatan atau apa-apa sebab lain.
- (6) Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM ialah separuh dari jumlah keseluruhan ahli jawatankuasa.
- (7) Pejabat berdaftar dan tempat mesyuarat bagi Unit PEMADAM adalah di tempat yang mana ia didaftarkan atau di tempat lain yang ditentukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM.

23 KUASA DAN TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI UNIT PEMADAM

- (1) **Pengerusi**
 - (a) Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan perjalanan Unit PEMADAM.

- (b) Melantik Setiausaha dan Bendahari dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Unit dan bertanggungjawab atas Unit PEMADAM dan kesempurnaan tugas sebagai Setiausaha dan Bendahari.
 - (c) Bertanggungjawab atas semua pegawai dan anggota Pejabat Unit PEMADAM.
 - (d) Memanggil dan menguruskan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM.
- (2) **Naib Pengerusi-Naib Pengerusi**
- (a) Membantu tugas Pengerusi Unit PEMADAM.
 - (b) Salah seorang dari mereka boleh menguruskan mesyuarat Jawatankuasa Unit apabila Pengerusi tidak hadir.
- (3) **Setiausaha**
- (a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi Unit PEMADAM.
 - (b) Mentadbirkan perjalanan pejabat Unit PEMADAM dan menjadi Pegawai Am.
 - (c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Pengerusi Unit PEMADAM segala tindakan yang diambil berhubung dengan pentadbiran pejabat Unit PEMADAM.
 - (d) Bertanggungjawab atas persiapan dan penghantaran notis beserta agenda Jawatankuasa Unit PEMADAM dan Mesyuarat Agung Unit.
 - (e) Menyediakan Penyata Tahunan dan menerangkan pekerjaan dan kemajuan Unit PEMADAM dalam masa setahun kepada Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM.

- (4) **Bendahari**
- (a) Bertanggungjawab ke atas urusan kewangan Unit PEMADAM.
- (b) Menyimpan kira-kira semua transaksi mengenai wang dan hendaklah bertanggungjawab atas kebenarannya.

24 TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA KERJA UNIT PEMADAM

- (1) Menjalankan arahan dari peringkat yang lebih tinggi.
- (2) Menyelaraskan dan menerima Yuran Tahunan bagi pihak Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah.
- (3) Bekerjasama dengan lain-lain kumpulan atau pertubuhan di dalam kawasan Unit itu dan juga Agensi/Jabatan Kerajaan dalam segala aktiviti anti dadah sesuai dengan Perlembagaan Persatuan ini dengan syarat aktiviti-aktiviti tersebut diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah.
- 4) Memberhentikan seseorang Ahli Jawatankuasa daripada jawatan yang didapati tidak menyempurnakan kewajipannya.
- (5) Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Unit suatu penyata yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam masa satu (1) tahun yang lepas dan Penyata Kira-kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit.
- (6) Menghantar kepada Pendaftaran Pertubuhan Penyata Tahunan tiap-tiap tahun atas perkara-perkara yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan.

- (7) Menghantar kepada Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah Penyata Tahunan bagi Tahun yang baru lepas dan penyata Kira-kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit dan Mesyuarat Agung Unit PEMADAM.
- (8) Menjalankan pemecatan atau penggantungan keahlian seorang ahli.
- (9) Menjalankan kehendak dan arahan Jawatankuasa Kerja Kebangsaan dan menjalankan segala langkah yang munasabah bagi menghasilkannya.
- (10) Melantik Jawatankuasa Kecil bagi maksud-maksud tertentu dan boleh mewakilkan kepada Jawatankuasa Kecil itu kuasa-kuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu. Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM hendaklah mempunyai kuasa melantik ahli biasa dan bukan ahli kepada Jawatankuasa Kecil itu.

25 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN /LUAR BIASA UNIT PEMADAM

- (1) Unit PEMADAM hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan bagi Ahli yang berdaftar di bawah Unit berkenaan.
- (2) Hanya ahli yang telah membayar yuran mereka bagi tahun kalendar itu adalah berhak untuk hadir, bercakap atau mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan Unit PEMADAM bagi tahun itu.
- (3) Urusan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah termasuk urusan-urusan yang berikut:
 - (a) Untuk menerima dan menyesuaikan Laporan Tahunan dan Akaun yang telah diaudit bagi Unit tersebut bagi tahun yang lalu;

- (b)** Untuk memilih dua (2) tahun sekali, sama ada dengan mengundi atau mengangkat tangan yang boleh ditentukan oleh ahli dengan kelebihan undi, pemegang jawatan dan ahli Jawatankuasa Kerja Unit seperti berikut:
- (i) Seorang (1) Pengerusi;
 - (ii) Dua (2) orang Naib Pengerusi, seorang (1) daripadanya hendaklah perempuan;
 - (iii) Tidak lebih dari lapan (8) orang ahli, sekurang-kurangnya tiga (3) daripada mereka hendaklah perempuan;
 - (iv) Dua (2) orang Juruaudit Dalam.
- (c)** Lain-lain urusan yang dibentangkan di mesyuarat ini.
- (4) Setiausaha hendaklah menghantar notis yang menyatakan tarikh, masa dan tempat Mesyuarat Agung Tahunan diadakan termasuklah salinan minit dan laporan, usul dan penamaan bagi pemilihan pegawai-pegawai, bersama dengan akaun-akaun PEMADAM bagi tahun dahulu yang telah diaudit kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh tetap mesyuarat itu. Salinan dokumen ini hendaklah juga disediakan di pejabat berdaftar atau tempat mesyuarat PEMADAM ditatap oleh ahli.
- (5) Penamaan bagi pemilihan pegawai-pegawai dan usul-usul untuk perbincangan di mesyuarat itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas notis Mesyuarat Agung itu diterima.

- (6) Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh diadakan:
- (i) Jika Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan atau Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri atau Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah atau Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM memikirkan perlu; atau
 - (ii) Di atas permintaan bersama secara bertulis sekurang-kurangnya dua puluh (20) orang ahli dari Unit berkenaan.
- (7) Notis dan agenda Mesyuarat Agung/Luar Biasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha tidak kurang empat belas (14) hari sebelum mesyuarat diadakan.
- Mesyuarat Agung Luar Biasa di atas permintaan ahli
- (8) hendaklah diadakan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas penerimaan permintaan tersebut.
- (9) Korum bagi Mesyuarat Agung Tahunan bagi sesuatu Unit PEMADAM adalah satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada jumlah Ahli yang berhak mengundi atau dua (2) kali ganda Ahli Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM mengikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan ini dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- (10) Jika dalam masa satu (1) jam dari waktu yang ditentukan bagi Mesyuarat itu korum tidak mencukupi, mesyuarat hendaklah, jika diadakan atas permintaan, dibubarkan dan dalam lain hal hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang ditetapkan oleh Pengerusi Unit dan juga mesyuarat yang ditangguhkan itu korum masih tidak mencukupi, ahli yang hadir hendaklah menjadi korum dan boleh meneruskan urusan mesyuarat itu.

26 PUNCA KEWANGAN DAN KUASA PERBELANJAAN UNIT PEMADAM

- (1) Jawatankuasa Kerja Unit PEMADAM boleh memohon kelulusan dan kuasa mengeluarkan aktiviti-aktiviti yang sesuai daripada Jawatankuasa Daerah.
- (2) Segala urusan mengutip derma atau projek-projek tertentu untuk menambahkan kewangan Unit PEMADAM itu hendaklah dengan kebenaran dan kerjasama dari Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah.
- (3) Aktiviti berbentuk kebajikan juga perlu mendapatkan kebenaran dan kerjasama dari Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah dan pihak berkuasa tempatan.

27 PEMEGANG AMANAH

- (1) Semua aset dari apa jenis pun adalah kepunyaan PEMADAM Kebangsaan dan hendaklah di bawah kawalan Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan dan apa-apa harta takalih bagi PEMADAM hendaklah dibuat atas nama empat (4) Pemegang Amanah yang dilantik oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan.
- (2) Semua aset daripada apa jenis yang diperolehi oleh PEMADAM Negeri hendaklah di bawah kawalan Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri dan apa-apa harta takalih bagi PEMADAM Negeri juga hendaklah dibuat atas nama Pemegang Amanah yang dilantik oleh Jawatankuasa tersebut.

- (3) Semua aset daripada apa jenis yang diperolehi oleh PEMADAM Daerah hendaklah di bawah kawalan Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah dan apa-apa harta takalih bagi PEMADAM Daerah juga hendaklah dibuat atas nama Pemegang Amanah yang dilantik oleh Jawatankuasa tersebut.

28 PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN INI

- (1) Perlembagaan ini atau mana-mana bahagiannya boleh dipinda atau dibatalkan oleh satu ketetapan yang diluluskan oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada wakil-wakil yang hadir dan mengundi di satu Perhimpunan Agung. Dengan syarat bahawa ketetapan bagi pindaan atau pembatalan tidak boleh berkuatkuasa sehingga pindaan atau pembatalan itu diluluskan oleh Ketua Pengarah Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
- (2) Apa-apa usul untuk meminda atau membatalkan Perlembagaan ini hendaklah dibuat oleh suatu keputusan lebih suara dalam Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan atau Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Negeri atau Jawatankuasa Kerja PEMADAM Daerah dan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Agung PEMADAM Kebangsaan tidak lewat daripada empat puluh lima (45) hari sebelum diadakan Perhimpunan Agung di mana usul itu akan dibentangkan.

- (1) Jika terdapat apa-apa pertikai mengenai tafsiran, pengertian, maksud atau erti mana-mana perkara dalam Perlembagaan ini atau mana-mana perkataan atau perbahasan yang terkandung dalam Perkara itu, maka tafsiran, pengertian, maksud atau erti yang ditentukan dan ditetapkan oleh Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan adalah muktamad.
- (2) Jika berlaku sesuatu akibat atau suatu keadaan di mana tidak ada kaedah tertentu dalam Perlembagaan ini, tafsiran Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan bagi kepentingan PEMADAM dan menurut undang-undang dan acara yang berhubung dengan pertubuhan adalah muktamad.
- (3) Jika PEMADAM dibubarkan oleh apa-apa sebab pun, aset bersih PEMADAM hendaklah didermakan bagi maksud-maksud yang sama dengan tujuan PEMADAM.
- (4) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan boleh melantik seorang (1) 'Public Officer' untuk mewakili PEMADAM dalam guaman oleh atau terhadap PEMADAM dan untuk menerima bagi pihak PEMADAM penyampaian ini dan tujuan PEMADAM.
- (5) Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan boleh membuat kaedah yang tidak berlawanan dengan peruntukan Perlembagaan ini bagi pelaksanaan yang berkesan akan peruntukan Perlembagaan ini dan tujuan PEMADAM.

- (6) Jika tidak terdapat kaedah tertentu dalam perlembagaan ini atas segala hal yang berkaitan dengan pengurusan Ibu Pejabat boleh diikuti jika sekiranya boleh digunakan.

30

KETERANGAN LAMBANG DAN BENDERA



Lambang mengandung bintang lima sudut yang sama bentuknya berwarna hijau, dilingkungi dalam satu bulatan. Bintang itu, dilukis sedemikian sehingga kelima-lima hujungnya hampir-hampir menyentuh lingkaran bulatan itu. Di bahagian tengah bintang itu terdapat genggam tangan berwarna putih menjadi lingkaran bulatan itu dan perkataan PEMADAM warna hijau di tengah-tengah reka bentuk rantai mengikat dua rangkaian bunga padi.

- i. Bintang yang bersudut lima itu melambangkan lima prinsip Rukun Negara.
- ii. Rantainya melambangkan belunggu penagihan dadah dan pentingnya kegelutan untuk bebas dari najis dadah.
- iii. Jari-jari digenggam melambangkan azam untuk melawan ancaman najis dadah dan untuk menolong mangsa-mangsanya.
- iv. Perkataan PEMADAM ialah singkatan nama Persatuan itu dan membawa pengertian untuk membanteras najis dadah.
- v. Cogan kata **DARI RAKYAT UNTUK RAKYAT** menunjukkan penyertaan rakyat dalam menghapuskan bencana awam.
- vi. Perkataan Malaysia memperkenalkan kepada dunia luar betapa gigihnya negara ini memerangi najis dadah.
- vii. Simbol bunga padi yang melengkung di kiri dan kanan menunjukkan kesuburan bagi rakyat negara ini.

KETERANGAN WARNA

- | | | |
|--------|---|---|
| Merah | - | Melambangkan sifat keberanian dan ketegasan |
| Kuning | - | Melambangkan Negara Beraja dan Berpelembagaan |
| Hijau | - | Melambangkan kesejahteraan dan keamanan serta kesuburan |
| Putih | - | Melambangkan kesucian dan keikhlasan serta bertanggungjawab |